

POLITIK ABAD KE-21
**PERUBAHAN
ATAUPUN
HARAPAN PALSU**

Zulkifli Sulong


595
L





POLITIK ABAD KE-21
**PERUBAHAN
ATAUPUN
HARAPAN PALSU**

Zulkifli Sulong



PUSTAKA PERDANA



1007592

THE MALAYSIAN
Insider

www.themalaysianinsider.com

Diterbitkan oleh The Malaysian Insider Sdn Bhd (802488-K)

809, Block B, Pusat Dagangan Phileo Damansara II
No 15, Jalan 16/11, Off Jalan Damansara, 46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Semua Hakcipta terpelihara

Hakcipta © 2009 The Malaysian Insider Sdn Bhd

Design © The Malaysian Insider Sdn Bhd

Semua kandungan didalam buku ini tidak boleh diolah, diadaptasi, disalin, dicetak semula atau diedarkan kedalam pelbagai bentuk samada media cetak ataupun media elektronik tanpa kebenaran penerbit buku.

Perpustakaan Negara Malaysia | Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Zulkifli Sulong (1963-0)

Politik abad ke21: perubahan ataupun harapan palsu / Zulkifli Sulong
ISBN: 978-983-44524-0-7

1. Malaysia-Politics and government-21st century. I. Judul.320.9595

Dicetak oleh Five Stars Press Sdn Bhd (826303-T)
A-G-15 & A-G-16, Jalan PBS 14/2A, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pengenalan

Kandungan buku ini adalah kompilasi tulisan-tulisan saya dalam laman web *Malaysian Insider*. Walaupun telah disiarkan, memandangkan laman web ini masih baru, sudah tentu masih ramai yang belum membacanya. Oleh itu saya berpendapatan, ia sangat sesuai dan berguna untuk dibaca oleh masyarakat negara ini.

Apa yang dinukilkan dalam buku ini adalah senario politik Malaysia selepas pilihan raya Mac 2008 hinggalah Mac 2009, zaman yang dianggap banyak pihak sebagai zaman politik baru Malaysia sedang dalam proses pembinaan. Atas dasar itulah buku ini dinamakan 'Membina politik baru'.

Saya namakan buku ini sebagai *Politik abad Ke-21, Perubahan Ataupun Harapan Palsu* kerana di jangkauan masa setahun inilah Malaysia melalui perubahan politik yang paling ketara. Pilihan raya Mac 2008 dianggap sebagai tsunami politik. Ekoran tsunami politik ini, rakyat Malaysia melihat pelbagai peristiwa menarik yang berlaku kepada politik negara ini. Perkara sebegini tidak berlaku dalam politik Malaysia sebelum ini.

Dalam pilihan raya 8 Mac 2008, buat pertama kalinya, Barisan Nasional (BN) yang memerintah kehilangan kuasa majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Lima negeri pula jatuh ke tangan gabungan baru parti politik negara ini iaitu Pakatan Rakyat yang merangkumi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokrat (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (Pas). Di samping itu, BN menang satu kerusi sahaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang lainnya dimenangi DAP, PKR dan Pas.

Yang memeritkan BN pula, kesemua negeri-negeri yang dimenangi Pakatan Rakyat adalah negeri penting di negara ini iaitu negeri Melayu yang menjadi pusat kuasa kaum yang menjadi majoriti negara ini iaitu Melayu (Kelantan dan Kedah). Turut dimenangi Pakatan adalah negeri yang dianggap kuasa ekonomi atau penentu paras pendapatan negara iaitu

Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Walaupun Perak jatuh kembali ke tangan BN secara kudeta, namun ia tidak langsung membayangkan kehendak majoriti rakyat negeri itu. Ini kerana ia diperolehi BN melalui penyemberangan tiga Adun Pakatan yang berlaku dengan penuh teka teki. Ia juga boleh berlaku melalui titah sultan dan dipertikaikan banyak pihak.

Mac 2009 dipilih kerana ini adalah tarikh cukup setahunnya tsunami politik berlaku dan inilah juga tarikhnya peralihan kuasa dijadualkan berlaku dari Datuk Seri Abdullah Badawi kepada Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Pendek kata, segala peristiwa yang berlaku dalam tempoh ini dicatatkan dalam buku ini berdasarkan perspektif saya sebagai seorang pengamal media. Ia merangkumi pergolakan dalam parti-pari politik termasuklah Pakatan Rakyat, BN khususnya Umno, Pas, PKR dan sedikit dalam DAP.

Semoga tulisan ini dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan untuk membolehkan kita semua memahami politik baru yang sedang dibentuk di negara ini.

Zulkifli Sulong

Februari 2009